

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Individu positif COVID-19 tak kritikal boleh mengundi

Pengundi perlu patuhi SOP kesihatan elak penularan wabak, pastikan pilihan raya lancar

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
zatuliffah@bh.com.my

Kuala Terengganu: Individu yang disahkan positif COVID-19 dengan tahap kesihatan yang tidak kritikal akan dibenarkan mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagaimanapun mereka masih perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kesihatan yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) nanti.

Beliau berkata, pihaknya sudah bermesyuarat dengan SPR bagi mengesyorkan beberapa cadangan untuk dimasukkan di dalam SOP bagi mengelak penularan wabak itu, sekali gus memastikan pilihan raya berjalan lancar.

"Kementerian Kesihatan (KKM) memang bekerjasama dengan SPR setiap kali ada PRU untuk keperluan perkhidmatan kesihatan.

"Kita telah mengesyorkan beberapa cadangan untuk dimasukkan sebagai SOP pada PRU-15 kepada SPR dan ia akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Antara SOP itu adalah pemakaian pelitup muka, pelindung



Dr Noor Hisham (tengah) bersama seorang kanak-kanak pada Sambutan Hari Penglihatan Sedunia di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

muka (face shield) dan penggunaan cecair pencuci tangan pembasmi kuman, selain ada saluran khas untuk mereka.

"Jadi, kita tengah bincang dengan SPR. Pihak SPR akan buat pengumuman dan KKM membantu dari segi pelaksanaan pilihan raya," katanya.

Kakitangan KKM pantau

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Sambutan Hari Penglihatan Sedunia Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan di Pusat

Konvensyen Taman Tamadun Islam di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kehadiran individu yang positif itu juga akan dipantau ketat oleh kakitangan KKM yang akan bertugas di pusat mengundi di seluruh negara.

"Kakitangan kementerian juga akan menjadi sebahagian petugas PRU-15 nanti untuk memastikan perjalanannya selamat dan lancar," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiada sebarang larangan untuk ma-

na-mana individu yang belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 untuk mengundi pada PRU-15 nanti.

"Risiko jangkitan itu tetap ada bagi individu yang disuntik vaksin namun kesannya apabila dijangkiti sudah pasti berbeza.

"Tahap serius bagi mereka yang belum menerima vaksin mungkin lebih tinggi apabila dijangkiti berbanding individu yang sudah lengkap divaksin," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

KKM syor tawar kontrak kepada pakar bersara

Kuala Terengganu: Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan kerajaan mempertimbangkan menawarkan kontrak sehingga lima tahun kepada pakar perubatan yang sudah bersara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata cadangan itu bagi memastikan kepakaran yang ada dapat diberikan kepada pegawai perubatan sedia ada dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

“Semalam (kelmarin), kita ada mesyuarat dengan KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) yang mana mereka adakan kursus atau latihan kepakaran dan mereka juga tak cukup tenaga pengajar.

“Jadi, kalau kita boleh guna pakai idea ini dan ketengahkan, mungkin akan membantu kita tingkatkan tenaga pengajar kepakaran di universiti tempatan.

“Pada masa sama, KKM juga boleh meningkatkan perkhidmatan kepakaran kepada rakyat Malaysia,” katanya di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

PUSAT KECEMERLANGAN KESIHATAN MENTAL KEBANGSAAN

Kemudahan rujukan lebih efektif

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan dalam kalangan rakyat negara ini mendapat perhatian kerajaan melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Kerajaan menerusi Bajet 2023 memperuntukkan RM34 juta bagi penubuhan pusat itu yang bertindak sebagai penggerak bersepadu antara semua pihak bagi kesejahteraan kesihatan mental rakyat di bawah payung MyMYNDA.

Ketua Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Kecederaan Keganasan Dan Penyalahgunaan Substans, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Mala-

ysia (KKM), Dr Nurashikin Ibrahim berkata, NCEMH akan menjadi satu platform menyeluruh dan komprehensif bagi menangani masalah itu.

Menurutnya, cadangan penubuhan NCEMH itu dibuat Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia pada tahun lalu.

"NCEMH adalah langkah penting bagi memenuhi keperluan dan meminimumkan jurang perkhidmatan kesihatan mental melalui penggabungan komponen kesihatan awam, perubatan serta penyelidikan.

"Ini juga akan membolehkan perkongsian sumber manusia dapat dicapai dari segi kepakaran dalam bidang kesihatan mental untuk menterjemahkan dapatan penyelidikan bagi pembangunan polisi," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Nurashikin berkata, terda-

pat lima skop perkhidmatan NCEMH iaitu promosi kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental, latihan serta pendidikan.

Antara lain, katanya, intervensi krisis kesihatan mental termasuk mewujudkan talian bantuan yang diusahakan ketika ini bagi membolehkan orang ramai mendapatkan bantuan dan rawatan, selain melaksanakan survelan kesihatan mental, penyelidikan serta inovasi.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam itu berkata, statistik sebelum pandemik Covid-19 menunjukkan masalah kesihatan mental dalam

kalangan individu berusia 18 tahun ke atas dianggarkan 500,000 orang (2.3 peratus).

Bagaimanapun, beliau berkata, situasi pandemik memberi impak secara

langsung terhadap kesihatan mental masyarakat terutama dari segi emosi.

Ini dibuktikan melalui data Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana katanya, kes bunuh diri meningkat ketara hingga 81 peratus iaitu 1,142 kes tahun lalu berbanding 631 kes pada 2020.

Justeru, beliau berkata, terdapat keperluan mewujudkan pusat peneraju kesihatan mental bagi mengurus sumber, promosi pencegahan, pembangunan modal insan, penyelidikan, pemantauan dan survelan yang menyeluruh membatik agensi awam serta swasta.

"Aspirasi YB Khairy Jamaluddin (Menteri Kesihatan) adalah untuk NCEMH menjadi sumber rujukan kesihatan mental di negara ini dan insya'Allah, beliau dijangka melancarkan pusat

kecemerlangan ini dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (Perkama) Datuk Dr Abd Halim Mohd Hussin menyambut baik inisiatif kerajaan mewujudkan pusat berkenaan sebagai memperkasakan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

Sebagai pertubuhan bukannya kerajaan (NGO) dalam bidang kaunseling yang ditubuhkan sejak 1980, beliau berkata, Perkama sentiasa bekerjasama dengan KKM dan agensi berkaitan lain bagi memberi kesedaran berhubung isu kesihatan mental di negara ini.

Kata beliau, antara cabaran terbesar di hadapi adalah stigma masyarakat.

Menyentuh isu stigma katanya, negara berada pada tahap sederhana di mana se-

seorang individu itu sukar untuk memahami situasi atau keadaan yang dialami oleh orang lain.

"Kami (Perkama) bersama persatuan dan NGO lain terus bekerja keras untuk memberi kata semangat, peringatan kepada orang lain termasuk melaksanakan program kesihatan mental dalam usaha menangani stigma.

"Stigma ini sangat bahaya kerana 'pembunuh kepada pemulihan' berikutan pandangan serong dan fikiran negatif terhadap orang yang terabit masalah kesihatan mental.

"Mereka yang menghadapi cabaran mental ini akan mula berhadapan stigma apatah lagi mereka yang sudahpun berada pada tahap sakit mental atau secara kasarnya gila yang memerlukan rawatan perubatan. Ini boleh menjejaskan keinginan keluarga atau orang terdekat untuk melihat isu kesihatan mental sebagai perkara perlu ditangani di peringkat awal," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

Individu positif Covid-19 tak kritikal dibenar mengundi

Kuala Terengganu: Individu yang disahkan positif Covid-19 dengan tahap kesihatan yang tidak kritikal akan dibenarkan mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mereka masih perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kesihatan yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kelak.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah bermesyuarat dengan SPR

bagi mengesyorkan beberapa cadangan untuk dimasukkan di dalam SOP bagi mengelak penularan Covid-19 sekali gus memastikan pilihan raya berjalan lancar.

"KKM memang bekerjasama dengan SPR setiap kali ada PRU untuk keperluan perkhidmatan kesihatan dan sebagainya.

"Kita mengesyorkan beberapa cadangan untuk dimasukkan sebagai SOP pada PRU-15 kepada SPR dan ia akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Antara SOP itu adalah

pemakaian pelitup muka, pelindung muka (face shield) dan penggunaan cecair pencuci tangan pembasmi kuman selain ada saluran khas untuk mereka ini (pesakit Covid-19).

"Pihak SPR akan buat pengumuman (SOP) dan KKM membantu dari segi pelaksanaan pilihan raya," katanya ketika ditemui selepas Sambutan Hari Penglihatan Sedunia (World Sight Day) Tahun 2022 peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam di sini, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

Kes denggi meningkat 133 peratus di Kedah

ALOR SETAR – Sebanyak 952 kes demam denggi dengan dua kematian dicatatkan di negeri ini sehingga 8 Oktober lalu memabitkan peningkatan sebanyak 133 peratus berbanding 408 kes dalam tempoh sama, tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, sebanyak 77 wabak denggi turut dilaporkan dalam tempoh tersebut berbanding cuma 15 wabak pada tahun lepas.

Ujarnya, daripada 77 wabak denggi yang dilaporkan itu, terdapat lima lokasi panas yang berjaya dikawal, 69 telah tamat dan tiga lagi masih aktif.

“Analisa dijalankan Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah menunjukkan peningkatan ketara kes demam denggi di negeri ini bermula minggu epidemiologi (ME) 35 (ME35) bertarikh 28 Ogos lalu hingga 3 September lalu di daerah iaitu Langkawi, Kota Setar dan Kubang Pasu.

“Antara mukim yang paling banyak melaporkan kes demam denggi adalah Kuah di Langkawi;



Antara mukim yang paling banyak melaporkan kes demam denggi adalah Kuah di Langkawi; Mergong, Derga, Alor Malai, Pengkalan Kundur dan Teluk Cengai di Kota Setar serta Naga dan Jitra di Kubang Pasu.”

Mergong, Derga, Alor Malai, Pengkalan Kundur dan Teluk Cengai di Kota Setar serta Naga dan Jitra di Kubang Pasu,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Sementara itu katanya, sebanyak 266,420 premis telah diperiksa sejak Januari 2022 hingga 8 Oktober lalu dan sejumlah 4,972 kompaun dengan nilai keseluruhan hampir RM2.4 juta dikeluarkan kepada pemilik premis yang terdapat pembiakan aedes.

Menurutnya, kesemua kompaun itu dibuat di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 (Akta 154).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Individu positif Covid-19 akan dibenar mengundi

KUALA TERENGGANU - Individu yang positif Covid-19 namun tidak kritikal, akan dibenarkan mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagaimanapun individu tersebut perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat yang akan diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kelak.

Menurut Dr Noor Hisham, pihaknya te-

lah bermesyuarat dengan SPR bagi mengesyorkan beberapa cadangan untuk dimasukkan sebagai SOP bagi memastikan pilihan raya berjalan lancar dan selamat.

"Akan ada saluran khas untuk mereka (yang positif Covid-19) nanti, tidak akan bercampur dengan orang lain.

"Pemakaian pelitup muka dan pelindung muka juga penting selain sanitasi. Pemakaian pakaian perlindungan peribadi (PPE) lengkap kami tak cadangkan

dalam SOP," katanya di sini pada Khamis.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melakukan persiapan menghadapi banjir termasuk menyediakan petugas di lokasi pusat pemindahan sementara (PPS) dan mengenal pasti lokasi yang mempunyai pesakit berisiko.

"Untuk pesakit dengan kes berisiko seperti buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis pula, KKM dah ke-

nal pasti awal kedudukan mereka supaya rawatan tak putus (terhenti) ketika banjir.

"Kami ada data mereka dan kami ada juga data tempat mana yang perlu kami tingkatkan perkhidmatan jika berlaku banjir," katanya.

Menurutnya, sebanyak 552 daripada 2,891 klinik kesihatan di seluruh negara dikenal pasti berisiko dilanda banjir, namun langkah alternatif telah diambil bagi menghadapi masalah terbabit. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kuala Pilah pula disebut-sebut untuk KJ

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

PERSOALAN kerusi yang akan ditandingi oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin pada Pilihan Raya Umum (PRU15) terus menjadi bualan, apatah lagi beliau baru-baru ini memberitahu terbuka untuk bertanding di mana-mana kerusi Parlimen sama ada di Negeri Sembilan mahupun di Lembah Klang.

Meneliti laporan media dan khabar angin sebelum ini, beberapa kerusi disebut menjadi destinasi baharu buat Khairy selepas beliau memberi laluan kepada Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan untuk bertanding di Rembau.

Parlimen Tampin, Seremban dan Port Dickson antara kerusi yang disebut-sebut namun kebelakangan ini Parlimen Kuala Pilah juga masuk senarai.

Keempat-empat kerusi ini pada pilihan raya umum yang lalu dimenangi oleh calon Pakatan Harapan (PH) dengan Se-



remban dan Port Dickson boleh dikatakan sebagai kubu kuat gabungan parti politik tersebut.

Sekiranya Khairy bertanding di dua kerusi berkenaan, cabaran yang bakal dihadapinya tentu bukan mudah kerana Setiausaha Agung DAP, Loke Siew Fook dan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menantinya.

Jika Anwar memilih untuk tidak mempertahankan Port Dickson sekalipun, spekulasi mengatakan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun akan menjadi calon PH di Parlimen itu.

Parlimen Tampin pula menjadi yang paling awal disebut-sebut sebagai kerusi untuk ditandingi oleh Khairy. Bagaimanapun, UMNO Bahagian Tampin secara terbuka mahukan supaya calon BN di kerusi



KHAIRY JAMALUDIN

tersebut mestilah datang dalam kalangan kepemimpinan bahagian itu.

Secara jelas juga, UMNO Bahagian Tampin masih mahukan bekas Ahli Parlimen kawasan itu, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor mewakili mereka meskipun bekas Menteri Kerja Raya itu tewas semasa Pilihan Raya Umum Ke-14.

Bagaimanapun dengan Parlimen Kuala Pilah? Menurut sum-

ber kepada *Utusan Malaysia*, nama Khairy tiada dalam senarai nama lima calon yang dikemukakan oleh UMNO Bahagian Kuala Pilah bagi mewakili BN untuk merampas kembali kerusi tersebut.

Seperti mana di Tampin, sumber itu turut menambah, UMNO Kuala Pilah juga mahukan pemimpin dan anak tempatan bagi mewakili mereka.

“Jika tidak bersetuju dengan cadangan bahagian, pihak atasan hendaklah berbincang dan berhubung semula dengan bahagian,” katanya lagi.

Menurut sumber itu lagi, walaupun kelihatan sukar mencari kerusi terbaik buat Khairy di Negeri Sembilan, bekas Ketua Pemuda UMNO itu diakui sebagai aset buat UMNO dan BN.

“Khairy adalah aset kepada parti dan bagi saya tentulah kepimpinan parti mempunyai kaedah yang terbaik untuk mencari tempat untuknya, kita tidak mahu hilang ‘aset’ ini,” katanya.